

Sedih tidak dapat bergambar Pohon Kehidupan

KUALA LUMPUR 12 Jan. - Kisah pokok telinga gajah di Ladang 16, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang tumbang pada 6 Januari lalu membawa berita sedih kepada seluruh warga institusi itu yang rata-rata ingin mencipta memori di pokok tersebut.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM, Muhammad Izzuddin Rosli berkongsi kisah sedih yang hanya berpeluang berteduh di bawah pokok tersebut, namun tidak berkesempatan bergambar kenangan dengannya akibat kekangan masa.

“Saya bersama empat rakan menjelajah Ladang 16 semata-mata ingin mencari pokok legenda yang nyata berbeza dengan pokok telinga gajah lain tetapi sewaktu sampai ke situ langit sudah mulai gelap dan tidak sesuai untuk bergambar.

“Bagi saya, untuk sampai ke sana dengan berjalan kaki bukanlah perkara yang mudah-



POKOK telinga gajah akhirnya tumbang di UPM.

kerana perjalanan jauh, namun memikirkan kepuasan untuk bertemu dan mengukir kenangan bersama pokok yang menjadi ikon itu digigikan kaki melangkah,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Izzuddin memberitahu, setiap pelajar yang menuntut di UPM pasti terdetik untuk mencari dan bergambar dengan pokok legenda itu kerana popu-

laritinya dalam filem *Lagenda Budak Setan* sehingga mengundang panasaran semua penuntut.

“Saya masih ingat terdapat ukiran nama pada *Tree of Life* itu kerana semua pengunjung sama ada pelajar atau tidak ingin memberitahu kedatangan mereka ke situ dan berkesempatan bergambar bersama pokok legenda terbabit,” ujarnya.